



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESEJAHTERAAN KEWANGAN DAN PENGGUNAAN LESTARI DALAM
KALANGAN PENGGUNA DI SEMENANJUNG MALAYSIA***

NORZALIKA BINTI MD ZAINI

FEM 2015 55



**KESEJAHTERAAN KEWANGAN DAN PENGGUNAAN LESTARI DALAM
KALANGAN PENGGUNA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

NORZALIKA BINTI MD ZAINI

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KESEJAHTERAAN KEWANGAN DAN PENGGUNAAN LESTARI DALAM
KALANGAN PENGGUNA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

NORZALIKA BINTI MD ZAINI

Januari 2015

Pengerusi : Husniyah Binti Abd. Rahim, PhD

Fakulti : Ekologi Manusia

Kesejahteraan kewangan juga tidak dapat dicapai sekiranya pengguna sering menghadapi masalah kewangan akibat kurang pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan terutamanya dalam menguruskan perbelanjaan dan simpanan. Ia boleh menyebabkan pengguna terdedah kepada krisis kewangan terutamanya pada waktu kecemasan. Dalam mengurangkan masalah kemiskinan akibat daripada ketidakcukupan sumber kewangan adalah dengan mengamalkan penggunaan lestari dalam kehidupan. Selain dapat mengurangkan masalah kemiskinan juga dapat meningkatkan pembangunan ekonomi, kesihatan, keselamatan dan melindungi alam sekitar. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesejahteraan kewangan dan penggunaan lestari dalam kalangan pengguna di Semenanjung Malaysia. Kajian ini turut mengenal pasti tahap pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan. Dalam pada itu, untuk menentukan perkaitan antara umur, pendidikan, pengetahuan penggunaan lestari dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan serta amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan. Seterusnya, menentukan perbandingan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah. Begitu juga, menentukan sama ada faktor latar belakang dan tingkah laku penggunaan lestari mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna.

Data dalam kajian ini merupakan data sekunder diperoleh daripada kajian yang dilakukan kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah projek RUGS yang bertajuk “Perumahan Lestari Ke arah Kesejahteraan Pengguna”. Sampel kajian terdiri daripada 400 orang ahli isi rumah yang mewakili empat negeri di setiap zon di Semenanjung Malaysia dipilih melalui teknik persampelan rawak berperingkat. Kajian tersebut dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Analisis statistik

yang digunakan adalah ujian Korelasi *Pearson*, ujian-t dan ujian Regresi Pelbagai dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)*.

Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan pengguna berada pada tahap sederhana, manakala sikap terhadap penggunaan lestari adalah di tahap positif. Analisis Korelasi *Pearson* menunjukkan perkaitan yang positif antara pengetahuan ($r=0.455$, $p=0.0001$), manakala sikap terhadap penggunaan ($r= -0.355$, $p=0.0001$) pula mempunyai hubungan negatif dengan amalan penggunaan lestari. Begitu juga terdapat perkaitan dalam kesejahteraan kewangan berdasarkan umur ($r=0.127$, $p=0.011$), pendidikan ($r=0.192$, $p=0.0001$) dan pengetahuan penggunaan lestari ($r=0.130$, $p=0.009$), manakala dengan amalan penjimatan tenaga elektrik ($r=-0.200$, $p=0.0001$) mempunyai perhubungan yang negatif. Bagi ujian-t pula, menunjukkan terdapat perbandingan dalam kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah. Hasil ujian Regresi Pelbagai menunjukkan bahawa enam angkubah yang dikaji menjelaskan 11.6 peratus daripada varian dalam kesejahteraan kewangan. Faktor latar belakang iaitu pendidikan ($\beta=0.189$, $p=0.000$), umur ($\beta=0.153$, $p=0.002$) dan pendapatan isi rumah ($\beta=0.114$, $p=0.023$) di dapati mempunyai pengaruh yang positif dengan kesejahteraan kewangan. Begitu juga bagi amalan penjimatan tenaga elektrik ($\beta=-0.189$, $p=0.000$) mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna tetapi pengaruhnya adalah negatif.

Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pengguna agar lebih meningkatkan tahap pendidikan mereka supaya memperoleh pekerjaan dan pendapatan isi rumah yang lebih stabil. Pengguna akan turut berusaha menambahkan simpanan untuk menghadapi kehidupan hari tua. Hal ini memerlukan pengguna mempraktikkan amalan penjimatan tenaga elektrik bagi mengekalkan kesejahteraan kewangan. Walaupun dapatan menunjukkan sekiranya pengguna mempraktikkan amalan tersebut secara positif, maka kesejahteraan kewangan pengguna akan rendah. Ini memberi implikasi kepada kerajaan dan pengguna itu sendiri kerana masyarakat akan kurang mengamalkan amalan penjimatan tenaga elektrik kerana menginginkan kesejahteraan kewangan yang tinggi. Perkara tersebut menyebabkan tindakan pengguna akan berkurangan untuk mengamalkan amalan penggunaan lestari kerana mereka mampu membayar semua kos perbelanjaan daripada berjimat. Ia memerlukan pihak kerajaan mengubah tanggapan pengguna akan keburukan kepada alam sekitar sekiranya amalan tersebut tidak dibentuk dalam kehidupan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of the University Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**FINANCIAL WELL-BEING AND SUSTAINABLE CONSUMPTION AMONG
CONSUMERS IN PENINSULAR MALAYSIA**

By

NORZALIKA BINTI MD ZAINI

January 2015

Chairman : Husniyah Binti Abd. Rahim, PhD

Faculty : Human Ecology

Financial well-being cannot be achieved if users often face financial difficulties due to lack of knowledge towards financial management especially in managing expenses and savings. It can cause consumers to be exposed to the financial crisis, especially during the time of emergency. In reducing poverty as a result of inadequate financial resources, a sustainable approach in life could be adopted. In addition, the act of reducing the problem of poverty can also increase economic development, health, safety and environmental protection. This study aims to identify sustainable consumption and financial well-being among consumers in Peninsular Malaysia. This study also identifies the level of knowledge for sustainable consumption, attitudes toward sustainable consumption, sustainable consumption practices and financial well-being. In the meantime, it also determines the relationships between age, education, knowledge and attitude toward sustainable consumption with sustainable consumption practices and financial well-being, and sustainable consumption practices with financial well-being. Next, it determines the comparison in sustainable consumption practices and financial well-being based on household income. Also, it determines whether background factors and sustainable consumption behavior affect the financial well-being of the consumers.

Data of this research was a secondary data obtained from a study conducted by a group of researchers from University Putra Malaysia (UPM) under RUGS project entitled "Sustainable Housing towards Consumer Well-being". The sample was consisted of 400 household members whom represented four states in Peninsular Malaysia which were selected through random multistage sampling technique. The study was collected using questionnaire. The statistical analysis used were Pearson Correlation test, t-test and Multiple Regression by using the Statistical Package For Social Science (SPSS).

The research found out that the level of knowledge for sustainable consumption, sustainable consumption practices and financial well-being of consumers were at

medium level, while attitudes toward sustainable consumption was at positive level. Pearson correlation analysis showed a positive relationship between knowledge ($r = 0.455$, $p = 0.0001$), while attitudes toward sustainable consumption ($r = -0.355$, $p = 0.0001$) were in negative relationships with sustainable consumption practices. Similarly, the relevance of financial well-being based on age ($r = 0.127$, $p = 0.011$), education ($r = 0.192$, $p = 0.0001$) and knowledge of sustainable consumption ($r = 0.130$, $p = 0.009$), while energy saving practices ($r = -0.200$, $p = 0.0001$) showed negative relationship. T-test showed there was collation in financial well-being based on household income. Multiple Regression tests showed that there were seven variables that explained 11.6 percent of the variance in the financial well-being. Background factors namely education ($\beta = 0.189$, $p = 0.000$), age ($\beta = 0.153$, $p = 0.002$) and household income ($\beta = 0.114$, $p = 0.023$) were found to have positive influence on financial well-being. Similarly, the energy saving practices ($\beta = -0.112$, $p = 0.042$) influenced negatively in consumers' financial well-being.

This study exhibited some implications to consumers to further enhance their level of education in order to obtain a more secured employment and a stable household income. Consumers will try to make regular savings and increase their savings for their future. This requires consumers to practically applying electrical energy saving practices in order to maintain their financial well-being. Even though the study demonstrated that if consumers are positively practising these practices, then it would lower the level of consumers' financial well-being. This can affect both government and consumers because the society will not so practising energy-saving practices due to their desire to have high financial wellness. This can reduce consumers' practises to have sustainable consumption of practices because of their ability in paying all expenses. Out of all, it requires the government to change consumers' perceptions which would be harmful to the environment if the practices are not formed in consumers' everyday life.

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG

Assalamualaikum W.H.T, Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinannya dapat saya menyiapkan tesis yang bertajuk "Pengetahuan Lestari dan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Pengguna Di Semenanjung Malaysia". Tesis ini adalah sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan segulung Ijazah Master Sains Pengguna.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek ini iaitu Dr. Husniah Abd. Rahim dan ahli jawatankuasa penyelia tesis saya iaitu Dr. Zuroni Md Jusoh dan Dr. Elistina Abu Bakar yang telah banyak memberi bantuan, sokongan dan tunjuk dalam menyiapkan tesis saya ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para penilai di atas komen, cadangan serta nasihat yang telah diberikan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi semangat dan juga tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti pengajian saya di Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada kedua ibu bapa saya iaitu Pn. Sapuan Sa'adollah dan En. Md Zaini Omar serta adik-beradik saya Muhammad Huzaifa, Nuratikah, Muhammad Faiz dan juga suami saya Mohammad Khairil Amri Chorlis yang sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada saya. Ucapan penghargaan juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberi dorongan dan semangat kepada saya sepanjang kajian ini dijalankan. Sokongan anda semua akan saya hargai sepanjang hayat saya. Akhir kata, kepada semua, terima kasih saya ucapkan.

Ikhlas daripada,

Norzalika Binti Md Zaini

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14 Januari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norzalika binti Md Zaini bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kesejahteraan Kewangan dan Penggunaan Lestari dalam Kalangan Pengguna di Semenanjung Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Jayum anak Jawan, PhD

Profesor
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohamad Fazli bin Sabri, PhD

Pensyarat Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Asnarulkhadi b Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maisarah Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 15 April 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyerahan adalah seperti berikut:

Husniyah Binti Abd. Rahim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zuroni Binti Md Jusoh, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Elistina Abu Bakar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norzalika Binti Md Zaini (GS31269)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakui bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : _____

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB	
I	
PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	5
1.2 Persoalan Kajian	11
1.3 Objektif Kajian	12
1.4 Hipotesis Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Limitasi Kajian	14
1.7 Definisi Istilah	15
1.8 Kerangka Konseptual	17
1.9 Rumusan	17
II	
SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	18
2.1 Pengetahuan Penggunaan Lestari	18
2.2 Sikap Penggunaan Lestari	22
2.3 Amalan Penggunaan Lestari	25
2.4 Kesejahteraan Kewangan	31
2.5 Perkaitan di antara Pengetahuan Penggunaan Lestari Dan Sikap terhadap Penggunaan Lestari dengan Amalan Penggunaan Lestari	38
2.5.1 Amalan Penggunaan Lestari dengan Kesejahteraan Kewangan	39
2.6 Model Kajian	41
2.6.1 Model Sistem Pengeluaran/Penggunaan Isi Rumah	41
2.6.2 Model Pengurusan Sumber Keluarga	44
2.6.3 Model Pengurusan Kewangan	46
2.7 Teori Terpilih	48
2.7.1 Teori Utiliti Dijangka	48

2.8	Kerangka Konseptual Kajian	49
2.9	Rumusan	52
III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	53
3.1	Sumber Data	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Lokasi Kajian	54
3.4	Saiz Sampel Kajian	54
3.5	Prosedur Persampelan	55
3.6	Pengumpulan Data	55
3.7	Instrumen Kajian	55
3.8	Analisis Data	57
3.8.1	Normaliti	57
3.8.2	<i>Linearity</i>	58
3.8.3	<i>Multicollinearity</i>	58
3.8.4	Analisis Diskriptif	59
3.8.5	Analisis Faktor	59
3.8.6	Ujian-t	61
3.8.7	Ujian Korelasi <i>Pearson</i>	61
3.8.8	Ujian Regresi Pelbagai	61
3.9	Ujian Kebolehpercayaan dan Kesahan	62
3.10	Rumusan	63
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.0	Pengenalan	64
4.1	Profil Latar Belakang Responden	64
4.2	Pengetahuan Penggunaan Lestari	68
4.3	Sikap Penggunaan Lestari	69
4.4	Amalan Penggunaan Lestari	70
4.5	Kesejahteraan Kewangan	72
4.6	Perkaitan antara umur dan pendidikan dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan	73
4.6.1	Ringkasan Analisis	75
4.7	Perbandingan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah	75
4.7.1	Ringkasan Analisis	76
4.8	Pengujian Hipotesis Kajian	77
4.8.1	Ringkasan Analisis	80
4.9	Faktor-faktor yang mempengaruhi Kesejahteraan Kewangan Pengguna	81
4.10	Rumusan	84

V	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.0	Pengenalan	85
5.1	Kesimpulan	85
5.1.1	Perkaitan di antara umur, pendidikan, pengetahuan dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan serta perkaitan amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan	86
5.1.2	Perbandingan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah	87
5.1.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna	87
5.2	Implikasi Kajian	88
5.3	Cadangan untuk Kajian akan datang	93
	BIBLIOGRAFI	94
	LAMPIRAN	115
	BIODATA PELAJAR	155
	SENARAI PENERBITAN	156

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1	Model Sistem Pengeluaran/Penggunaan Isi Rumah	42
2.2	Model Pengurusan Sistem	45
2.3	Model Pengurusan Kewangan	47
2.5	Kerangka Kajian 'Penggunaan Lestari dan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Pengguna Di Semenanjung Malaysia'	50

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>VIF</i>	59
3.2	Kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah Sebenar	63
4.1	Profil Latar Belakang Responden	64
4.2	Pengetahuan Penggunaan Lestari	68
4.3	Sikap terhadap Penggunaan Lestari	69
4.4	Amalan Penggunaan Lestari	70
4.5	Kesejahteraan Kewangan	72
4.6	Perkaitan di antara umur dan pendidikan dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan	75
4.7	Perbezaan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan tahap pendapatan bulanan isi rumah	77
4.8	Perkaitan di antara pengetahuan dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan	80
4.9	ANOVA Kesejahteraan Kewangan	82
4.10	Model Kesejahteraan Kewangan Pengguna	82
4.11	Analisis Regresi Pelbagai Antara Pemboleh ubah yang dikaji dengan kesejahteraan kewangan	83

SENARAI SINGKATAN

AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
FOMCA	Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
IFDFW	<i>InCharge Financial Distress/Financial Well-being</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
MACFEA	Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
R ²	<i>R Square</i> / R kuasa dua
RMK9	Rancangan Malaysia kesembilan
RMK10	Rancangan Malaysia kesepuluh
RUGS	Skim Geranuniversiti Penyelidikan (<i>Research University Grant Scheme</i>)
S.P	Sisihan Piawai
SPSS	Program Statistik Sains Soial (<i>Statistical Package for Social Science</i>)
UNCED	Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (<i>United Nations Conference on Environment and Development</i>)
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia menjelang tahun 2020 telah mensasarkan satu pencapaian daripada sebuah negara yang berpendapatan sederhana kepada negara yang berpendapatan tinggi dan maju (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2010). Pendapatan yang disasarkan bagi rakyat Malaysia per kapita sebulan adalah dalam lingkungan RM3,750 hingga RM5,000 kelak. Kemampanan ekonomi diperoleh melalui pembentukan disiplin fiskal bagi melindungi keseimbangan makro ekonomi dan kestabilan kewangan. Manakala kemampanan alam sekitar diawasi dan dipelihara dengan berkesan supaya pertumbuhan lestari dapat dicapai tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang (N. Rashidah, 2013). Dalam pada itu, Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dan juga menghadapi pelbagai cabaran bagi memastikan pembangunan mampan dan lestari. Memandangkan negara menghadapi beberapa masalah alam sekitar seperti kemusnahan kawasan hutan rimba, sisa buangan isi rumah, kualiti udara di bandar, kualiti air sungai dan sisa berbahaya (Aini, Fakhrul, Laily, dan Jariah, 2003).

Salah satu daripada bidang kualiti hidup di Malaysia yang tidak membangun ialah alam sekitar. Hal ini adalah berdasarkan Jabatan Perangkaan Alam Sekitar (2012), daripada sumber Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2011, menunjukkan pencemaran udara yang paling tinggi adalah disebabkan kenderaan bermotor dan aktiviti pembakaran terbuka (69.4%), perindustrian (27.3%) dan punca lain-lain (3.3%). Pengangkutan udara juga turut menjadi punca pencemaran udara dengan menunjukkan peningkatan bilangan pendaratan dan berlepas sebanyak 7.4 peratus iaitu 695,882 berbanding 647,814 pada tahun 2010. Bagi pencemaran air pula sebanyak 143 lembah sungai yang diawasi dan sebanyak 13 lembangan sungai yang telah tercemar bagi tahun 2010 berbanding sembilan sahaja pada tahun 2009. Sementara itu, pada tahun 2011 telah menurun sebanyak 11 lembangan sungai yang tercemar dengan hanya 140 lembangan yang diawasi (Jabatan Perangkaan Alam Sekitar, 2012). Situasi pencemaran dan lebih penggunaan ini dapat dikurangkan dengan melakukan penggunaan secara lestari sekali gus dapat mengurangkan kos kewangan dalam mencapai kesejahteraan kewangan dan kestabilan ekonomi negara.

Kesejahteraan kewangan adalah suatu konsep yang menerangkan mengenai kedudukan kewangan individu atau keluarga dan ia juga adalah indikator dan satu domain utama kepada kesejahteraan hidup (Campbell, 1981; Olson, McCubbin, Barnes, Larsen, Muxen dan Wilson, 1989; Zaimah dan Sarmila, 2012). Kesejahteraan kewangan juga merujuk kepada dua petunjuk iaitu petunjuk objektif dan petunjuk subjektif bagi status kewangan peribadi individu. Petunjuk objektif dilihat berdasarkan keadaan kewangan termasuk perkara-perkara seperti pendapatan, hutang, simpanan dan aspek keupayaan kewangan seperti pengetahuan produk dan perkhidmatan kewangan, perancangan awal dan bajet

yang tinggal. Keadaan kewangan termasuk juga kepuasan dengan simpanan dan pelaburan (Kim dan Garman, 2003). Walson dan Fitzsimmons, (1993); Prawitz, Garman, Sorhaindo, O'Neill, Kim, dan Drentea (2006) juga menyatakan petunjuk objektif seperti pendapatan isi rumah adalah sebagai mengukur aspek keadaan kewangan dan meramal persepsi tentang keadaan kewangan seseorang. Petunjuk subjektif pula dilihat dari tahap kepuasan individu dengan keadaan kewangan semasa dan masa depan mereka (Cox, Hooker, Markwick, dan Reilly, 2009). Manakala petunjuk subjektif pula digunakan untuk meramalkan keadaan kewangan yang berkaitan dengan kepuasan terhadap sumber-sumber yang diperoleh dan tahap kesejahteraan ekonomi mereka. Kepuasan keseluruhan dengan keadaan kewangan adalah sebagai ukuran yang sering digunakan dalam menentukan kesejahteraan kewangan (Van Praag, Frijters & Ferrer-i-Carbonel, 2003; Joo, 2008).

Dalam mencapai kesejahteraan kewangan, perancangan kewangan adalah aspek yang amat penting kerana ia adalah satu proses individu atau keluarga merancang masa hadapan mereka (Husniyah, Syuhaily, Mohd. Fazli, Mohd. Amim & Ahmad Hariza, 2005; Syuhaily, Mumtazah dan Naimah, 2013). Perancangan kewangan mempunyai beberapa komponen yang meliputi pemilikan wang dan merancang penggunaannya dalam membuat perbelanjaan, penyimpanan, peminjaman, pengurusan risiko, pelaburan dan pengawalan kewangan masa depan (Kapoor, Dlabay dan Hughes, 2004; Syuhaily, Mumtazah, dan Naimah, 2013). Selain itu, individu yang mengamalkan pengurusan kewangan dengan baik dan mengikut strategi yang disyorkan oleh pakar-pakar kewangan akan lebih berpuas hati dengan kedudukan kewangan mereka (Prawitz, Garman, Sorhaindo, O'Neill, Kim, dan Drentea, 2006). Parotta dan Johnson, (1998); Fazli dan Falahati, (2012) menunjukkan pengurusan kewangan peribadi telah dikenal pasti sebagai faktor penyumbang utama kepada kepuasan status kewangan seseorang.

Pembangunan keupayaan untuk menguruskan kewangan peribadi telah menjadi semakin penting kerana ia merupakan pelaburan untuk jangka panjang bagi kegunaan persaraan, perbelanjaan keluarga dan pendidikan anak-anak pada masa akan datang. Keupayaan untuk menguruskan sumber-sumber dengan berkesan adalah penentu utama kesejahteraan kewangan (Joo, 2008;. Shim, Xiao, Barber, & Lyons, 2009). Xiao, Sorhaindo, Garman (2006), menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan termasuklah amalan yang berkaitan dengan wang tunai, kredit dan pengurusan simpanan, manakala tingkah laku yang berkesan adalah merujuk kepada tingkah laku positif atau wajar disyorkan oleh ekonomi pengguna sebagai cara untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan. Kesejahteraan pengguna pula didefinisikan sebagai kepuasan pengguna terhadap domain kehidupan yang merangkumi pembelian, pemilikan, penggunaan, penjagaan dan pelupusan dalam mencapai gaya hidup yang diimpikan (Sirgy, 2002; Jariah, Sharifah Azizah & Laily, 2013).

Dalam mencapai kesejahteraan kewangan dalam hidup, penggunaan sumber-sumber yang terhad secara berkesan adalah digalakkan bagi memastikan sumber-sumber tersebut dapat digunakan oleh generasi akan datang dan sumber kewangan juga dapat

diminimumkan. Memandangkan negara sekarang menunjukkan permintaan dan penggunaan tenaga yang semakin meningkat seperti minyak mentah, gas asli dan elektrik disebabkan perkembangan sektor perindustrian dan pengangkutan. Daripada sumber Statistik Petronas (2011), pengeluaran minyak mentah menunjukkan penurunan sebanyak 10.7 peratus daripada 233 juta tong pada tahun 2010 kepada 208 juta tong pada tahun 2011. Manakala pengeluaran bersih gas asli mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus iaitu daripada 2160.0 kepada 2165.0 juta padu standard (JKPS). Hal ini akan mengakibatkan bebanan pelepasan bahan pencemaran ke ruang udara dan seterusnya boleh mencemarkan kualiti udara (Jabatan Perangkaan Alam Sekitar, 2012). Peningkatan drastik ini menyebabkan masalah alam sekitar berlaku termasuklah hujan asid, pemanasan global, jerebu, tanah runtuh dan tsunami yang merupakan ancaman akibat daripada perbuatan manusia sendiri. Penyusutan sumber alam dan pencemaran berkait rapat dengan perbuatan manusia yang sangat mementingkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi (Fazli & Teoh, 2006).

Penggunaan lestari adalah satu konsep yang menekan kepada pemuliharaan dan pemeliharaan sumber alam tetapi ia tidak terhad kepada sesuatu aktiviti semata-mata. Sesuatu aktiviti penggunaan lestari yang dijalankan adalah penggunaan sesuatu barangan dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan asas ke arah mencapai kesejahteraan hidup tanpa mengorbankan keperluan generasi akan datang dengan meminimumkan penggunaan bahan toksik, sumber asli, bahan pencemar dan bahan buangan (Kementerian Alam Sekitar, Norway, 1994; Fuchs dan Lorek, 2005). Dalam United Nation Decade, 2005–2014, turut menekankan maksud penggunaan lestari adalah menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan tanpa memberi kesan buruk kepada masyarakat dan alam sekitar. Menurut Syuhaily (2011) pula, penggunaan lestari adalah menggunakan barangan dan perkhidmatan dengan cara yang berkesan, lebih bermaklumat tentang penggunaan tersebut dan tidak melakukan pembaziran sumber. Ia juga bertujuan membentuk peluang bagi membolehkan setiap orang di dunia ini memenuhi keperluan mereka tanpa mendatangkan kesan negatif kepada persekitaran dan memberi impak kepada sosial dan aspek kewangan yang lazimnya dapat dilihat di negara maju.

Tingkah laku penggunaan lestari dipengaruhi oleh altruis budaya dan motif diri, di mana pengguna yang mempunyai sifat individualistik yang tinggi mempunyai sifat negatif terhadap alam sekitar. Ini kerana sifat tersebut akan menyebabkan kecenderungan seseorang untuk meningkatkan penggunaannya (Grankvist & Biel, 2001). Antara ciri-ciri penggunaan lestari ialah berbelanja secara berhemah, penggunaan sumber secara berjimat seperti bahan bakar fosil, air dan tenaga. Selain itu, menggunakan teknologi yang bersih, bahan yang tidak memberi kesan negatif kepada persekitaran dan mesra alam (Naimah, Nurizan, Mumtazah, Siti Balqis & Nurul Fardini, 2012).

Satu Persidangan Perubahan Iklim (PBB) yang berlangsung di ibu negara Denmark iaitu Copenhagen dari 7 Disember 2009 sehingga 11 Disember 2009, menunjukkan 110 orang pemimpin dunia lain yang menghadiri persidangan tersebut termasuk Malaysia untuk

mengambil tindakan menangani isu-isu perubahan iklim dunia. Isu-isu yang dibincangkan adalah mengenai penyediaan bantuan kewangan bagi negara-negara sedang membangun, pengurangan pengeluaran gas hijau dan beralih kepada teknologi hijau serta menyesuaikan diri dengan dunia yang kian panas (Berita Harian, 2009). Majoriti negara membangun menggunakan hampir 85 peratus tenaga komersial berasaskan bahan bakar. Pada tahun 1993 hingga 2010 menunjukkan pergantungan penggunaan bahan bakar ini akan terus meningkat, ditambah dengan peningkatan 50 peratus tenaga dunia yang digunakan untuk pengangkutan (Mumtazah & Norhafidah, 2009).

Pada tahun 1992, Sidang Kemuncak Dunia Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan telah meluluskan Agenda 21 yang diperkenalkan oleh para pemimpin dunia yang membincangkan mengenai isu berkaitan persekitaran, pembangunan dan kelestarian. Seterusnya persidangan di Johannesburg Afrika Selatan pada tahun 2002 yang berkaitan dengan pembangunan pada masa kini yang masih tidak mengendahkan alam sekitar (Jamilah, Hasrina, Hamidah & Juliana, 2011). Agenda 21 ini memberi tumpuan kepada tabiat atau amalan pengguna yang turut menggariskan bahawa kemerosotan alam sekitar dan kualiti hidup adalah berpunca daripada amalan pengguna itu sendiri dan perindustrian yang tidak lestari. Ia juga menekankan kepentingan dalam mencapai pembangunan mampan dengan mengamalkan penggunaan lestari, namun tiada keseimbangan dalam corak penggunaan. Sumber dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2003) menegaskan bahawa keseimbangan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial dan alam sekitar juga telah ditekankan dalam agenda 21 tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang. Keseimbangan ini boleh direalisasikan melalui amalan hidup dan penggunaan yang sederhana (Syuhaily, 2011).

Isu alam sekitar pada abad ini banyak melibatkan ancaman kepada keindahan, keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia (Norhasmah & Shamsul Azhari, 2002). Dengan itu telah wujud satu istilah iaitu pengguna hijau, di mana pengguna ini lebih mementingkan alam sekitar dan sanggup untuk membeli barangan yang mesra alam atau barangan eko. Barangan mesra alam merupakan barangan yang diperbuat daripada bahan semula jadi, tidak mempunyai bungkusan ataupun kurang pembungkusan yang tidak mencemarkan alam sekitar. Selain itu, penggunaan kenderaan hibrid dan sentiasa membeli produk yang diperbuat daripada bahan kitar semula juga dikategorikan sebagai pengguna hijau (Sam Wong, 2011).

Penggunaan lestari seperti penjimatan elektrik adalah aktiviti yang amat penting untuk dilakukan dalam mengurangkan penggunaan sumber asli yang menjana tenaga. Pengurangan tersebut dapat dilaksanakan dengan penggunaan tenaga yang cekap seperti penghawa dingin, televisyen dan peti sejuk kerana ia dapat memanjangkan tempoh penggunaan barangan elektrik tersebut (Mohana, 2010). Selain itu, bagi mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan kos perbelanjaan bagi penggunaan kenderaan sendiri adalah dengan menggunakan pengangkutan awam atau berkongsi kenderaan dan

turut dapat mengurangkan kesesakan jalan raya (Mohana, 2010). Dengan itu, perbelanjaan kos bil elektrik bulanan, minyak, selenggara kenderaan dan penggunaan sumber asli turut dapat dikurangkan. Penyusutan sumber asli bumi ini berlaku akibat daripada gaya hidup seseorang yang berorientasikan kepada kebendaan, kemewahan, pembaziran dan perbelanjaan tidak berhema dalam melakukan penggunaan barangan dan perkhidmatan. Perkara negatif seperti inilah yang telah menimbulkan isu berkaitan kelestarian (Laily dan Syuhaily, 2005).

1.1 Pernyataan Masalah

Umumnya, dalam era globalisasi terdapat pelbagai cabaran baru seperti cabaran globalisasi dan teknologi maklumat yang dihadapi setiap negara seiring dengan negara-negara maju yang lain. Berikutan dengan itu peningkatan pendapatan penduduk turut meningkat seiringan dengan perbelanjaan, kadar keberhutangan, timbul masalah kewangan, ketidakcukupan sumber kewangan dan sebagainya disebabkan kos sara hidup meningkat. Pelbagai masalah boleh berlaku apabila kewangan tidak dapat diuruskan dengan baik dan tidak mencapai matlamat yang diinginkan. Menurut Mumtazah (2002) lagi, masalah yang sering dihadapi pengguna adalah kerap kehabisan wang gaji di pertengahan bulan, tidak berkemampuan menyara keluarga, bergaduh kerana faktor kewangan, kesihatan terganggu akibat sibuk mencari wang tidak mengira waktu, masalah rumah tangga, simpanan sukar untuk dilakukan dan sebagainya. Dengan itu, kebijaksanaan pengguna merancang sumber kewangan mereka dengan cekap adalah perlu bagi mencapai matlamat kewangan (Mumtazah, 2002). Dalam pada itu, masalah kewangan dan rasa tidak puas hati keluarga dengan status kewangan mereka telah banyak menyebabkan konflik perkahwinan dan perceraian (Poduska dan Allred, 1990; Parrotta dan Johnson, 1998). Kebanyakannya masalah kewangan yang berlaku adalah kerana ketidaksepadanan antara sumber kewangan dan permintaan (Kerkmann, Lee, Lown, Allgood, 2000; Leila, Laily, Maiminah, & Sharifah Azizah, 2011).

Menurut Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) 2011, pengurusan harian individu dan keluarga yang berkesan memerlukan pengguna mempunyai pengetahuan mengenai produk kewangan serta kemahiran dalam membuat keputusan kewangan. Krisis kewangan keluarga mudah berlaku disebabkan pengurusan kewangan yang kurang berkesan dan telah memberi peluang untuk berhadapan dengan masalah jika menghadapi kecemasan seperti kemalangan, kos perubatan, kehilangan pekerjaan dan sebagainya. Ia juga akan mempengaruhi kemampuan pengguna untuk membuat simpanan bagi jangka panjang dalam membuat tabungan persaraan, membeli rumah, pendidikan anak-anak dan sara hidup keluarga. Dengan adanya pendidikan kewangan dapat membantu pengguna dan keluarga membentuk disiplin dalam membuat tabung sendiri di rumah, menguruskan perbelanjaan dengan cermat serta dapat menggalakkan pengguna lebih berhemat dalam penggunaan sumber. Garman dan Fergie (2004) turut menekankan masalah pengurusan kewangan sering berlaku kepada individu yang tidak mempunyai kemahiran dalam membuat perancangan ke atas pendapatan yang diperoleh, tidak mempunyai belanjawan yang teliti dan juga tidak mempunyai seseorang yang boleh membantu dan menetapkan keputusan dalam merancang dan mengawal

perbelanjaan. Walau sebanyak mana sekalipun kewangan yang dimiliki, sanggup membuat kerja lebih masa dan sebagainya, namun jika sumber kewangan tersebut tidak diuruskan dengan bijak, maka ia akan membawa kepada kerugian. Dalam mencapai kesejahteraan kewangan dan kedudukan ekonomi yang lebih stabil adalah memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan sumber kewangan serta perancangan perbelanjaan harian. Terdapat tiga perkara penting yang mampu meningkatkan kesejahteraan kewangan iaitu mempunyai perancangan masa depan, meningkatkan simpanan dan mengurangkan pinjaman peribadi (Xiao, Sorhaindo dan Garman, 2004).

Masyarakat masa kini menjadikan pinjaman peribadi dan kad kredit sebagai satu keperluan dalam kehidupan. Seseorang itu menjadi muflis adalah disebabkan pengurusan kewangan yang kurang bijak apabila gemar membuat pinjaman serta menggunakan kad kredit yang melebihi kemampuan sendiri (Melati, 2011). Maklumat dari Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan seramai 80,348 orang disenarai sebagai muflis bagi tahun 2005 hingga Mei 2010, kemudiannya telah meningkat kepada 106,602 orang sehingga tahun 2012. Peratusan kebangkrupan yang paling tinggi adalah disebabkan keberhutangan sebanyak 29.05 peratus dan sewa beli kenderaan iaitu 25 peratus. Bagi pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi masing-masing adalah 13 peratus, hutang pinjaman perniagaan (10.93%) dan hutang kad kredit (5.50%). Kenyataan dari Bank Negara Malaysia (2010) pula, hutang isi rumah mencecah sebanyak RM577 bilion sehingga akhir November, 2010. Pada November 2011, pinjaman yang dibiayai oleh institusi kewangan berjumlah RM70, 954.40 juta yang telah meningkat sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun 2010. Kebanyakan golongan pendapatan rendah mudah mengambil pinjaman kredit dan berhutang untuk memenuhi keperluan ini (Kanmani, Husniyah, Zuroni, Elistina, & Fazli, 2012). Hal ini menyebabkan kesejahteraan kewangan pengguna amat sukar untuk dicapai jika masyarakat gemar dibelenggu dengan hutang dan akan terus menimbulkan isu sumber kewangan.

Dalam kes lain, terdapat ramai juga yang menghadapi masalah kewangan membuat pinjaman dengan institusi kewangan yang tidak berlesen kerana dianggap mudah diperoleh dengan segera seperti ceti haram. Dari Biro Pengaduan dan Perkhidmatan Awam (MCA) telah melaporkan sebanyak 2,844 kes pinjaman dilakukan dengan ceti haram dari tahun 2005 hingga 2011. Ini menunjukkan isi rumah di Malaysia mempunyai banyak masalah kewangan dan gemar berhutang serta membuat pinjaman daripada pelbagai agensi berlesen, mahupun tidak berlesen bagi memperoleh sumber kewangan. Sumber dari Berita Nasional Malaysia (Amir Baharuddin, 2010) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah menyatakan kebimbangan mengenai peningkatan paras hutang isi rumah daripada 63.9 peratus pada tahun 2008 kepada 76.6 peratus bagi tahun 2009 telah dirujuk daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Akhbar tersebut turut menyatakan terdapat tiga faktor utama penyumbang kepada peningkatan kadar hutang isi rumah adalah disebabkan oleh pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi, gaya hidup mewah dan pengurusan kredit yang lemah (Amir Baharuddin, 2010; Norhaslinda, 2012). Perkara ini kerana kebanyakan pengguna kurang

mengetahui mengenai prinsip pengurusan kewangan dan tidak mengamalkan amalan asas pengurusan kewangan iaitu membuat simpanan kerana kemudahan pinjaman yang ada tidak boleh digantikan dengan amalan simpanan (Jariah, Fazli dan Sharifah Azizah, 2013). Dengan itu, pengurusan kewangan dan perbelanjaan yang dilakukan secara berhemah dapat mengurangkan penggunaan kredit dan risiko berhutang. Sekali gus dapat meringankan beban kewangan yang dihadapi serta mengurangkan tekanan akibat terlalu memikirkan masalah kewangan yang boleh menjejaskan kesihatan individu.

Di samping itu, individu yang mempunyai kesejahteraan kewangan dapat memperoleh kesihatan yang lebih baik dan risiko mendapat penyakit kritikal dapat dikurangkan, sekali gus kos perubatan dapat dijimatkan. Masalah kewangan bukan sahaja memberi tekanan kepada keluarga dan individu, malahan kepada kesihatan juga boleh turut terjejas (Dooley, Fernandez-Arias, dan Kletzer, 1996; Drentea, 2000; Drentea dan Lavrakas, 2000; Jacobson, Aldana, Goetzel, Vardell, Adams, dan Pietras, 1996; O'Neill, University, Prawitz, University, Schaus, Services xii, dan Warren, 2005; Prawit, 2006). Tekanan kewangan, stres dan kesukaran kewangan yang dihadapi individu akan membawa kepada tahap kesejahteraan kewangan yang rendah (Azizi, Jamaludin dan Mazeni, 2010). Kim (2004); Jariah, Sharifah Azizah, Mumtazah dan Zaimah (2010) menyatakan kesejahteraan kewangan seseorang dirujuk hasil daripada tingkah laku kewangan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa kesejahteraan kewangan individu dan keluarga diperoleh berdasarkan penghasilan tingkah laku kewangan mereka dalam membuat perancangan, pengurusan dan mengawal sumber kewangan dengan berhemah adalah sangat penting.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2009/10) menunjukkan bahawa purata perbelanjaan bulanan isi rumah telah meningkat sebanyak 12.1% daripada RM1,953 pada tahun 2004/05 kepada RM2,190 pada tahun 2009/10. Sumber tenaga elektrik, air, gas dan bahan api lain merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan bulanan isi rumah iaitu sebanyak 15.1% iaitu RM496 (2009/10) berbanding RM430 (2004/05). Jika penggunaan ini dapat dikurangkan dengan mengamalkan penggunaan lestari sekali gus dapat menjimatkan kos kewangan bagi perbelanjaan bulanan isi rumah. Memandangkan purata pendapatan isi rumah di Malaysia juga telah meningkat sebanyak 9.2% iaitu RM4,025 pada tahun 2009 berbanding RM3,686 pada tahun 2007. Bagi kelas pendapatan isi rumah pula, pendapatan RM5,000 ke atas telah meningkat daripada 16.8% tahun 2004 kepada 24.2% tahun 2009, manakala kelas pendapatan RM2,500 telah menurun pada 2004 (56.2%) dan 2009 iaitu 44.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009/10). Unit Perancang Ekonomi (2010), pula mendapati purata berpendapatan bulanan isi rumah adalah RM1,440 iaitu sebanyak 51.4 peratus isi rumah bandar dan 48.6 peratus isi rumah luar bandar. Hal ini menunjukkan majoriti isi rumah mempunyai pendapatan bulanan yang rendah dan kesejahteraan kewangan yang diimpikan kurang dapat dicapai. Menurut Jariah *et al.*, (2013), kesejahteraan isi rumah tidak hanya ditentukan oleh pendapatan sahaja tetapi pendapatan sangat penting untuk membolehkan ahli keluarga memperoleh keperluan asas dan memiliki hidup yang sejahtera. Ini menunjukkan kebanyakan pendapatan pengguna lebih dibelanjakan ke atas barangan dan perkhidmatan yang boleh memberi kesan buruk kepada alam sekitar seperti penggunaan

air, elektrik, gas, bahan api dan sebagainya digunakan secara berlebihan yang membawa kepada pembaziran sumber. Memandangkan kelas pendapatan isi rumah juga telah meningkat dan menunjukkan tahap kesejahteraan kewangan isi rumah juga lebih baik tetapi jika sumber kewangan tersebut tidak digunakan secara berhemah dalam berbelanja kemungkinan akan mengurangkan tahap kesejahteraan kewangan mereka.

Walaupun kelas pendapatan isi rumah telah meningkat tetapi peratus insiden kemiskinan penduduk Malaysia juga meningkat sebanyak 0.2 peratus daripada 3.6 peratus kepada 3.8 peratus dalam tempoh dua tahun 2007 hingga 2009. Manakala insiden kemiskinan tegar pula adalah sama bagi tempoh dua tahun tersebut iaitu 0.7 peratus. Seramai 2.4 juta isi rumah yang berpendapatan rendah, dan 1.8 % adalah isi rumah miskin tegar, 7.6 peratus miskin dan 90.6 peratus isi rumah yang berpendapatan rendah (Unit Perancang Ekonomi, 2009). Dalam pada itu, penggunaan lestari yang diamalkan pengguna mempunyai kaitannya dengan pengurangan kemiskinan dalam kalangan penduduk di Malaysia, selain daripada peningkatan kesihatan, peningkatan ekonomi negara dan penjagaan persekitaran (Naimah *et al.*, 2012). Dengan itu, amalan penggunaan lestari jika diamalkan bukan sahaja memberi kesejahteraan kepada pengguna, bahkan dapat mengurangkan kadar kemiskinan penduduk. Begitu juga bagi aspek pembangunan yang menyumbang kepada kualiti kehidupan adalah berkait secara langsung dengan penggunaan lestari iaitu dapat mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pembangunan ekonomi, kesihatan, keselamatan dan perlindungan alam sekitar (Mumtazah, Nurizan, dan Naimah, 2009). Oleh itu, masalah kemiskinan akibat daripada ketidakcukupan sumber kewangan boleh dikurangkan dengan mengamalkan penggunaan lestari dalam kehidupan harian. Dengan mengamalkan penggunaan lestari seperti berjimat cermat dalam penggunaan sumber, berbelanja mengikut keperluan, mengamalkan amalan kitar semula, guna semula barangan sedia ada dan sebagainya. Ia dapat meminimumkan perbelanjaan serta kesejahteraan kewangan pengguna dapat dicapai dengan penggunaan secara bersederhana. Perkara tersebut boleh diatasi memandangkan satu program yang dilancarkan di Malaysia iaitu Hari Bumi (*Earth Hour*) mendapat penerimaan daripada warga kota dan desa telah dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil dan tenaga elektrik (Naimah *et al.*, 2012).

Meskipun pelbagai program dilancarkan mendapat sambutan tetapi pengurusan dan penjagaan alam sekitar masih tidak lestari walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun (Fatimah, 2007). Situasi ini dapat digambarkan apabila kualiti alam sekitar telah merosot sebanyak 5.9 mata dalam tempoh 18 tahun iaitu dari tahun 1990 hingga 2008 yang telah diukur melalui indeks kualiti air, kualiti udara dan kawasan hutan (Unit Perancang Ekonomi, 2010). Malaysia didapati terletak pada tangga ke 54 daripada 163 negara yang menyertai pada tahun 2010 berbanding pada 2008 negara terletak di tangga ke 27 berdasarkan Indeks Prestasi Alam Sekitar (Saisana & Saltelli, 2010). Dengan itu jelas membuktikan bahawa keadaan alam sekitar negara semakin merosot dan masih di tahap yang membimbangkan. Sumber statistik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaporkan penduduk Malaysia telah menghasilkan lebih 26,000 tan sampah setiap hari. Penghasilan sisa pepejal semakin meningkat setiap tahun tetapi hanya 76 peratus hingga 80 peratus sahaja sisa yang

dikutip. Dijangkakan pada tahun 2015 populasi rakyat Malaysia adalah 31,773,889 orang dan penghasilan sisa pepejal setiap tahun pula sebanyak 7,772,402 tan (Perbadanan Pengurusan sisa Pepejal dan Pembersihan awam, 2011). Dari sumber Abdul (2010); Hasnah, Ahmad, Noraziah dan Maznah (2012) menyatakan menjelang tahun 2020 sisa pepejal dijangka akan meningkat sebanyak 30,000 tan sehari berbanding 7.34 tan pepejal domestik pada tahun 2005. Peningkatan sisa pepejal dan perubahan dalam komposisi sisa adalah disebabkan pertumbuhan penduduk dan di digabungkan dengan pertumbuhan pesat penduduk bandar (Imura, Yedla, Shinirakawa, Memon, 2005; Hasnah, Dody, Noraziah, Maznah & Sarifah, 2012). Hal ini akan menyebabkan eko sistem manusia akan terganggu dan persekitaran yang bersih akan sukar diperolehi untuk generasi akan datang.

Selain itu, sumber dari Rancangan Malaysia kesepuluh (2010), seorang rakyat Malaysia menghasilkan secara purata 0.8 kilogram sampah setiap hari. Sisa makanan merupakan peratusan yang paling tinggi bagi komposisi sisa pepejal dihasilkan adalah 45 peratus, diikuti plastik 24 peratus, bahan lain 15 peratus, kertas 7 peratus, metal 6 peratus dan kaca 3 peratus. Walaupun pada masa kini terdapat kecekapan teknologi-teknologi canggih untuk melupuskan sisa pepejal dan kerajaan sedang dalam proses meningkatkan penggunaan teknologi tersebut, namun usaha-usaha ini tidak akan mencukupi. Memandangkan kos operasi pengurusan sisa pepejal adalah sangat tinggi menjadi satu beban kewangan kepada kerajaan tempatan dan syarikat yang terbabit (Hasnah *et. al.*, 2012). Ketidakeimbangan penggunaan tenaga komersial memberi impak kepada sistem penyelenggaraan alam sekitar pada jangka masa yang panjang kerana tidak mampu mengimbangi matlamat ekonomi, ekologi dan sosial (Melati, 2008). Tambahan lagi, penggunaan manusia itu sendiri yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar kerana mereka sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar melalui aktiviti penggunaan seharian (Sharifah Norhaidah, 2006; Pe'er, Goldman, dan Yavetz, 2007; Taylor, Tamar, Jenkins, dan Kennelly, 2007).

Selain itu, kaedah yang boleh mengurangkan sisa pepejal ke tapak pelupusan dengan sangat berkesan dan memberi banyak faedah kepada masyarakat adalah kaedah 3R iaitu pengurangan, guna semula dan kitar semula (Hasnah, Ekowati, Ahmad, Lyndon & Ahmad, 2012). Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2010) telah menunjukkan kadar kitar semula rakyat Malaysia adalah 10.5 peratus setahun. Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Sisa Pepejal (2005), memaklumkan penduduk Malaysia dianggarkan mempunyai kadar kenaikan tahunan kitar semula iaitu sebanyak satu peratus setahun dan akan terus meningkat sebanyak 22 peratus pada tahun 2020 (Azrina, 2003). Masalah ini jika tidak dibendung akan dikhuatiri bumi tidak mampu menampung tempat untuk didiami manusia (Farhan dan Mumtazah, 2010). Dalam pada itu, penduduk Malaysia dianggarkan membuang sumber bernilai ke dalam sungai sebanyak RM476.1 juta, di mana kertas adalah sisa yang paling banyak iaitu sebanyak RM205.1 juta atau 17.1 peratus dan sisa plastik pula sebanyak 9.1 peratus atau RM163.8 juta (Syuhaily, 2011). Sumber-sumber yang dibazirkan ini terlalu tinggi akibat kurang mengamalkan penggunaan lestari dan sekali gus turut berlaku pembaziran sumber kewangan pengguna dan negara. Masalah pemanasan global dan pemusnahan persekitaran juga memberi

kesan kepada pembangunan dan merupakan penggunaan yang tidak lestari. Walaupun pengguna mungkin bukan penyumbang yang besar kepada permasalahan pencemaran ini tetapi pengguna tetap menanggung kesan buruk yang berlaku akibat aktiviti perindustrian dan pembangunan (N. Rashidah, 2013).

Kebanyakan pencemaran alam dan ketidaksejahteraan kewangan berlaku adalah berpunca daripada pengguna yang kurang mengamalkan penggunaan lestari dalam rutin harian mereka. Ini kerana faktor kesibukan bekerja, menguruskan anak-anak dan rumah tangga, berbelanja berlebihan, kerap berhutang bagi penuhi permintaan mereka serta aktiviti harian mereka sehingga leka akan kemusnahan alam di atas tindakan mereka. Dalam mencapai kesejahteraan kewangan dan menentukan corak penggunaan lestari, setiap individu mempunyai cara yang berbeza dalam membuat keputusan melakukan amalan penggunaan lestari. Pilihan pengguna bukan sahaja dipengaruhi oleh gaya hidup individu bahkan juga dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi yang lain (Wilska, 2002). Penggunaan lestari melibatkan proses pembelian, penggunaan dan pelupusan barangan serta menekankan penggunaan yang bermaklumat, penggunaan sumber lebih efisien dan tidak melampaui batas (Mumtazah *et al.*, 2009).

Pengguna yang bertingkah laku lestari dapat membuat penjimatan dari segi kewangan dan memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan. Jika amalan penggunaan lestari tidak dilakukan, ia banyak membawa kepada pembaziran sumber seperti tenaga, air, bahan api dan kos kewangan. Dengan melakukan penjimatan tenaga elektrik dan air seperti menutup suis lampu, kipas, televisyen dan alatan elektrik yang lain serta paip air selepas tidak digunakan dapat mengurangkan penggunaan tenaga dan air, begitu juga kos pembayaran bil bulanan isi rumah juga dapat dikurangkan. Barangan elektrik yang berkualiti, tahan lama dan cekap tenaga sesuai digunakan bagi mengurangkan penggunaan tenaga dan kewangan pengguna dapat dijimatkan. Penjimatan tenaga elektrik melalui penggunaan secara cekap dan optimum adalah langkah terbaik bagi mengurangkan penggunaan sumber kewangan daripada pembayaran bil bulannya (Pah Rokiah *et al.*, 2013). Amalan penggunaan lestari amat penting dalam kehidupan seharian, bukan sahaja dapat mengekalkan penjimatan hasil bumi malah dapat menjimatkan sumber kewangan pengguna. Dengan melakukan penjimatan dalam perbelanjaan dan penggunaan dapat mengubah kehidupan pengguna dan juga memberi kesejahteraan kewangan kepada mereka. Bagi sesetengah negara, perubahan tahap penggunaan dalam kalangan penduduk dikatakan mendatangkan kebaikan. Namun begitu dengan disebabkan peningkatan penggunaan yang tidak terkawal bukan sahaja memberi kesan secara langsung terhadap persekitaran tetapi turut juga kepada kesejahteraan hidup pengguna (Naimah & Syuhaily, 2011).

Dalam pada itu, penglibatan masyarakat dalam amalan kitar semula dan guna semula memerlukan barangan untuk dikumpul dan dihantar ke pusat kitar semula bagi diproses untuk menjadikan produk yang boleh digunakan semula pengguna lain. Begitu juga bagi barangan yang boleh digunakan semula, ia dapat mengelak daripada pembaziran kos dengan mengguna semula barangan yang sedia ada tanpa perlu berbelanja untuk benda

yang sama. Pembelian barangan yang lebih berkualiti dan tahan lama adalah lebih menjimatkan sumber kewangan pengguna dalam jangka masa panjang kerana ia lebih tahan dan tidak mudah rosak. Selain itu, amalan baik pulih barangan yang rosak dengan membaikinya semula tanpa perlu membuang atau menukarnya kepada barang yang baru turut dapat mengurangkan kos kewangan pengguna. Aktiviti mengurangkan sisa pepejal banyak memberi manfaat kepada masyarakat, syarikat, sekolah dan pengguna dalam memberi penjimatan sumber alam, mengurangkan sisa toksik dan juga dapat mengurangkan kos kewangan (EPA, 2009; Hasnah *et al.*, 2012). Di samping dapat melibatkan diri dalam penggunaan lestari, ia juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan kewangan keluarga dan kesejahteraan kewangan dapat dicapai. Dengan mengurangkan kos perbelanjaan, lebih wang tersebut boleh digunakan untuk simpanan masa hadapan dan kegunaan kecemasan. Hal ini dapat dicapai melalui amalan penggunaan lestari yang diamalkan seharian, di mana sahaja dan bila-bila masa. Memandangkan kekurangan sumber semula jadi dan perubahan iklim dunia merupakan cabaran yang paling besar dalam menangani kos kehidupan yang semakin meningkat (Syuhaily, 2011). Tetapi terdapat pelbagai alasan pengguna dalam mengelak daripada mengamalkan amalan penggunaan lestari seperti kurangnya pengetahuan tentang kitar semula, kekurangan kemudahan, perasaan malas dengan alasan tiada masa serta kurang galakkan daripada masyarakat (Hasnah *et al.*, 2012).

Bertitik tolak daripada pernyataan-pernyataan tersebut memberikan petunjuk bagi melakukan kajian mengenai “Kesejahteraan Kewangan dan Penggunaan Lestari Dalam Kalangan Pengguna Di Semenanjung Malaysia”.

1.2 Persoalan kajian

- 1) Sejauh manakah tahap pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan pengguna?
- 2) Adakah terdapat perkaitan antara umur, pendidikan, pengetahuan penggunaan lestari dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan?
- 3) Adakah terdapat perbandingan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah?
- 4) Adakah terdapat perkaitan antara amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan?
- 5) Adakah latar belakang mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna?
- 6) Adakah tingkah laku penggunaan lestari (pengetahuan, sikap dan amalan) mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna?

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Mengenalpasti kesejahteraan kewangan dan penggunaan lestari dalam kalangan pengguna di Semenanjung Malaysia.

1.3.2 Objektif Khusus

- 1) Mengenalpasti tahap pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan pengguna.
- 2) Menentukan perkaitan antara umur, pendidikan, pengetahuan penggunaan lestari dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan.
- 3) Menentukan perbandingan dalam amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan berdasarkan pendapatan isi rumah.
- 4) Menentukan perkaitan antara amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan.
- 5) Menentukan sama ada latar belakang mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna.
- 6) Menentukan sama ada tingkah laku penggunaan lestari (pengetahuan, sikap dan amalan) mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna.

1.4 Hipotesis

H₀1 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari pengguna.

H₀2 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari pengguna.

H₀3 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pengetahuan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan pengguna.

H₀4 : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap terhadap penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan pengguna.

H₀₅ : Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan pengguna.

H₀₆: Dengan mengawal kesan daripada pemboleh ubah lain dalam model, pengetahuan penggunaan lestari tidak mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna secara signifikan.

H₀₇: Dengan mengawal kesan daripada pemboleh ubah lain dalam model, sikap terhadap penggunaan lestari tidak mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna secara signifikan.

H₀₈: Dengan mengawal kesan daripada pemboleh ubah lain dalam model, dimensi-dimensi amalan penggunaan lestari tidak mempengaruhi kesejahteraan kewangan pengguna secara signifikan.

1.5 Kepentingan Kajian

Pertamanya, dari segi khazanah ilmiah kajian ini adalah untuk mengukuhkan lagi teori yang telah dihasilkan dalam kajian-kajian terdahulu. Selain itu, ia diharapkan dapat menambahkan bahan bacaan dan rujukan dalam bentuk kertas kerja, artikel ataupun jurnal tentang kepentingan kesejahteraan kewangan dan penggunaan lestari. Kesejahteraan kewangan dan penggunaan lestari memberi banyak kepentingan kepada semua pihak di antaranya kepentingan kepada pihak kerajaan di mana ia dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada mereka dalam mengadakan program yang berkaitan dengan penggunaan lestari dan dasar-dasar yang berkaitan dengannya serta cara pencapaian kesejahteraan kewangan dalam kehidupan pengguna. Menurut petikan daripada artikel Buletin Pengguna, Mokhtar (2009) menyatakan pemimpin negara masa kini dan masa hadapan seharusnya disedarkan mengenai kepentingan isu alam sekitar, masalah alam sekitar yang sedang dihadapi negara dan langkah-langkah yang perlu diguna pakai dalam menanganinya. Selain itu, pendidikan mengenai penggunaan lestari dan pengurusan kewangan perlu diterapkan sejak awal persekolahan sehingga ke pendidikan yang lebih tinggi supaya pengetahuan penggunaan lestari, sikap penggunaan dan amalan penggunaan lestari diamalkan secara berterusan serta kesejahteraan kewangan dapat dicapai.

Keduanya, kepentingan kepada pengguna dan masyarakat pula dapat memberi tunjuk ajar dalam memupuk amalan penggunaan lestari supaya generasi akan datang juga akan dapat merasa kenikmatan yang dialami oleh generasi masa kini. Ia juga dapat memberikan maklumat kepada pengguna dalam memainkan peranan mereka masing-masing ke arah memelihara alam sekitar dan juga demi kesejahteraan kewangan pengguna. Pelbagai tindakan dan aktiviti yang dapat dilakukan bagi mengamalkan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian pengguna seperti menutup suis lampu dan kipas sekiranya tidak digunakan, membeli barangan yang mesra alam, menggunakan barangan dan perkhidmatan secara lestari, melupuskan barangan pepejal dengan cara yang betul dan sebagainya boleh dilakukan bagi memelihara alam sekitar. Dengan

adanya kajian ini dapat memberi petunjuk kepada mereka dalam mengubah gaya hidup dan corak penggunaan yang lebih lestari serta pengurusan kewangan secara berhemah. Tindakan ini bukan sahaja boleh membawa impak yang besar, bahkan dapat membentuk sikap positif dan membentuk amalan penggunaan lestari serta kesejahteraan kewangan dapat dicapai dalam usaha menangani isu pencemaran dan perubahan iklim dunia. Bagi mengamalkannya secara bersendirian adalah mustahil dapat membantu alam sekitar daripada terancam tetapi dengan usaha ini dilakukan bersama-sama masyarakat akan dapat dilihat kesannya kelak.

Seterusnya, kepentingan kepada pelajar juga dapat memberi didikan dan dorongan supaya tidak mengabaikan aspek penggunaan lestari. Peranan pelajar adalah merupakan unit yang sangat penting dalam masyarakat dan juga merupakan inisiatif awal dalam pembentukan pemahaman mengenai penggunaan lestari. Peringkat awal persekolahan perlu dibentuk sikap terhadap penggunaan lestari supaya didikan tersebut membolehkan mereka mengamalkan amalan ini dalam kehidupan mereka di rumah, di sekolah dan di mana-mana sahaja. Pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang berdisiplin dan mempunyai kefahaman mendalam berkaitan konsep penggunaan lestari dan mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap alam sekitar dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Begitu juga dengan ibu bapa merupakan contoh paling hampir dengan pelajar dalam membimbing mereka untuk mengamalkan penggunaan lestari dan pengurusan kewangan yang lebih berhemah. Kebanyakan tingkah laku pelajar bermula di rumah, perkara ini menunjukkan kedua ibu bapa dan masyarakat perlu memainkan peranan dalam membentuk keperibadian pelajar menjadi generasi yang menyayangi alam sekitar.

Akhirnya, kepentingan kepada pengeluar atau pengilang juga dapat membantu mereka untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang lebih mesra alam. Dengan wujudnya barangan dan perkhidmatan yang mesra alam, kebersihan dan keselamatan alam sekitar akan lebih terjamin. Hal ini bukan sahaja memberi keuntungan kepada pengeluar atau pengilang tetapi keuntungan kepada semua manusia dan lebih-lebih lagi kepada alam sekitar kerana pengguna melakukan perbelanjaan terhadap produk dan perkhidmatan yang mesra alam. Dalam usaha untuk melindungi alam adalah memerlukan peranan dari semua pihak termasuk kerajaan, pengguna, pengeluar, media pengiklanan dan sekolah. Dalam pada itu juga dapat memberi kepentingan kepada alam sekitar, di mana ia dapat mewujudkan pemahaman dan keprihatinan pengguna, pengeluar, pelajar dan kerajaan terhadap persekitaran bagi memelihara keseimbangan alam semula jadi yang diperoleh. Ia menjadi satu konsep yang sangat penting untuk mengekalkan keprihatinan masyarakat bagi memastikan alam sekitar dan sumber asli terpelihara serta memperoleh kehidupan yang berkualiti.

1.6 Limitasi Kajian

Responden kajian adalah terhad kepada 400 orang responden dalam kalangan ahli isi rumah di empat buah negeri yang terpilih di Semenanjung Malaysia iaitu Pulau Pinang,

Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang. Pemboleh ubah yang dikaji adalah merangkumi latar belakang, pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan pengguna. Terdapat beberapa limitasi ke atas kajian ini, antaranya adalah kajian ini telah menggunakan data sekunder (*Secondary data*) di bawah geran penyelidikan RUGS yang bertajuk “Perumahan Lestari Ke arah Kesejahteraan Pengguna”. Hanya lima angkuabah telah digunakan dalam kajian ini yang bersesuaian dengan objektif kajian iaitu maklumat latar belakang responden, pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari, amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan. Selain itu, kajian primer tersebut hanya dapat mengumpul data bagi empat buah Negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

1.7 Definisi Istilah

a) **Pengetahuan Penggunaan Lestari**

Konseptual : Maklumat yang diperoleh melalui rangka pengalaman, pengadilan dan pemahaman tentang sesuatu seperti penggunaan lestari; nilai dan dilihat sebagai satu rangka pemahaman dan kemahiran mental yang dibina oleh akal manusia (Clarke dan Rollo, 2001).

Operasional : Mengetahui mengenai perkara yang berkaitan penggunaan lestari sama ada secara profesional atau menyeluruh. Pengetahuan pengguna terhadap isu alam sekitar dan penggunaan lestari.

b) **Sikap terhadap Penggunaan Lestari**

Konseptual : Keyakinan, penerimaan dan sokongan individu dalam mempengaruhi penggunaan lestari serta kecenderungan individu untuk bersikap positif atau negatif terhadap alam sekitar (Biswas, Licata, Mc Kee, Pllig, & Daughtridge, 2000).

Operasional : Menggambarkan keprihatinan pengguna dan masyarakat terhadap alam sekitar, kesanggupan mereka untuk membayar lebih untuk sesuatu yang menjimatkan tenaga dan mesra alam serta kesediaan melibatkan diri dalam aktiviti menjaga alam sekitar.

c) **Amalan Penggunaan Lestari**

Konseptual : Merupakan sesuatu tingkah laku yang dilakukan dalam pembelian dan penggunaan dengan mempertimbangkan ciri-ciri yang mesra alam dan kesanya terhadap alam sekitar (Norhasmah, Aini, Laily, Sharifah Azizah, Nurizan, dan Naimah, 2004). Ia juga merupakan satu cara individu

membuat perancangan masa untuk melakukan secara berulang kali mengikut satu pola yang sama (Hayness, 2000).


Operasional : Melakukan sesuatu amalan yang tidak menggugat keperluan generasi akan datang dengan meminimumkan penggunaan sumber asli, pengeluaran buangan dan bahan tercemar. Kekurangan responden mempertimbangkan penjimatan tenaga elektrik, pengurangan sisa pepejal dan amalan yang mesra alam sekitar. Amalan penggunaan lestari terlibat juga dalam pembelian, penggunaan dan pelupusan serta melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang berkaitan dengan alam sekitar.

d) **Kesejahteraan Kewangan**

Konseptual : Suatu konsep yang menerangkan tentang kedudukan kewangan individu atau keluarga dan difahami sebagai suatu kepuasan atau kegembiraan terhadap situasi kewangan (Porter & Garman, 1990). Kesejahteraan kewangan ditakrifkan sebagai keadaan kewangan yang sihat, gembira dan bebas dari kebimbangan dan kebiasaannya berdasarkan penilaian subjektif terhadap keadaan kewangan (Joo, 2008).

Operasional : Melihat kepada keupayaan dalam menguruskan, merancang, mengawal dan mencapai kepuasan terhadap keadaan kewangan. Kemahiran dalam menguruskan tunai, kredit, persaraan, simpanan, risiko, kecukupan pendapatan, pengurusan kewangan peribadi dan kemampuan berbelanja. Di samping itu, kebolehan pengguna memperoleh sumber kewangan semasa kecemasan, memenuhi keperluan dan kehendak masa kini serta kehidupan hari tua.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan pemboleh ubah bersandar iaitu kesejahteraan kewangan pengguna, manakala pemboleh ubah latar belakang yang terbahagi kepada dua iaitu sumber adalah bagi pendapatan isi rumah, manakala permintaan pula adalah umur dan pendidikan. Bagi kategori tingkah laku penggunaan lestari pula adalah pengetahuan penggunaan lestari, sikap terhadap penggunaan lestari dan amalan penggunaan lestari merupakan pemboleh ubah bebas. Di dalam kerangka ini juga menunjukkan pengukuran perkaitan bagi pemboleh ubah latar belakang umur dan pendidikan dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan serta perbezaannya berdasarkan pendapatan isi rumah. Selain itu, menentukan perkaitan di antara pengetahuan penggunaan lestari dan sikap terhadap penggunaan lestari dengan amalan penggunaan lestari dan kesejahteraan kewangan. Begitu juga, perkaitan di antara amalan penggunaan lestari dengan kesejahteraan kewangan. Seterusnya menentukan pengaruh latar belakang dan tingkah laku penggunaan lestari ke atas kesejahteraan kewangan pengguna.

1.9 Rumusan

Kesimpulannya, kesejahteraan kewangan dan penggunaan lestari merupakan elemen yang sangat penting kepada pengguna untuk dikaji. Memandangkan amalan penggunaan seharian pengguna akan memberi kesan kepada persekitaran dan juga kepada kesejahteraan kewangan. Ini secara langsung mampu memberi impak kepada pengguna Malaysia dalam menitik beratkan penggunaan lestari dalam kehidupan bagi mencapai kesejahteraan kewangan. Untuk itu beberapa pemboleh ubah telah dikenal pasti dan dibentuk dalam kajian ini, bab dua mempunyai perbincangan yang lebih lanjut berkaitan dengan setiap pemboleh ubah yang dibentuk.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim, M. N. (2009). *Statistical methods in research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul, Y. A. (2010). "Amal kitar semula" dalam Utusan Malaysia, 27 Jan 2010. Dimuat turun dari : http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20100328/hi_01/Kitar-semula-untuk-amal.
- Abdul Muhmin, A. G. (2007). Explaining consumer's willingness to be environmentally friendly. *International Journal of Consumer Studies*, 31(3), 237-247.
- Afroz R., Hanaki K., Rabaah T., & Kartina A., (2010). A survey of recycling behavior in households in Dhaka, Bangladesh, *Waste Management & Research*, 28(6), 552-560.
- Ahmad M. A. (1991). Teori mikroekonomi. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Aini, M.S (2005). Pembangunan lestari. Ditulis oleh Nurizan Y. & Mohd. Amim O. *Pengenalan sains pengguna*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, 179-191.
- Aini, M. S., Fakhru'l R. A., Laily H. P., & Jariah, M. (2003). Environmental concerns, knowledge and practices gap among Malaysian teachers. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 4(4), 305-313. Di muat turun dari : <http://miranda.emeraldinsight.com/vl=3926609/cl=14/nw=1/fm=docpdf/psv/cw/mcb/14676370/v4n4/sl/P305>.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational behavior and human decision processes*, 50(2), 179-211.
- Ah Choy, E. & Nurul Bariah, M. L. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 27-34.
- Amir Baharuddin (2010). Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 26 Oktober 2010.
- Amyx, D. A., DeJong, P. F., Lin, Chakra borty, G., & Wiener, J. L. (1999). Influencers of purchase intentions for ecologically safe products: An exploratory study. Dallam C. W. Parket et al. (Pnyt.), AMA Winter Educators' Conference Proceedings, 5, 341-347. Chicago: American Marketing Association.
- Autio, M. (2005). "The morality of spending in Finnish youth consumer culture". *International Journal of Consumer Studies*, 29(1), 332-341.
- Autio, M. & Heinonen, V. (2004). To Consume or not to consume? Young people's environmentalism in the affluent Finnish society. *Young*, 12(2), 137-153.

- Awang, B. (2012). Pengetahuan dan amalan kelestarian alam sekitar di kawasan Majlis Perbandaran Sepang, Selangor. *Akademika*, 82(3).
- Awang, S. Kemiskinan bandar. *Utusan Online*, Ogos 8, 2009. Dimuat turun dari : http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0830&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm.
- Azizi Y., Jamaludin R., & Mazeni I. (2010). Stres dalam kalangan guru Sekolah Menengah di empat buah sekolah di Malaysia. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 25, 103-136.
- Azrina, S. (2003). Pengurusan sisa pepejal di Malaysia dan masalahnya. Dimuat turun dari Portal Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia : http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=731&cmd=resetall.
- Baek, E. & DeVaney, S.A. (2004). Assessing the baby boomers' financial wellness using financial ratios and a subjective measure. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 32(4), 321-348.
- Bank Negara Malaysia (2010). *Kebankrapan individu dalam Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Statistik.
- Basri, A. T., Abdul Hamid, J., & Redzuan, O. (2010). *Kajian persepsi penduduk terhadap pengurusan sisa pepejal di Pulau Tioman*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan MACFEA ke-14.
- Berita Harian (2009). Kesepakatan pemimpin dunia tangani iklim global : Pelepasan gas karbon dioksida negara maju ancam alam sekitar. Dimuat turun dari : <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/325-info-ringkas/5211-kesepakatan-pemimpin-dunia-tangani-iklim-global.html>.
- Berenguer, J. (2007). The effect of empathy in pro environmental attitudes and behaviors. *Journal of Environment and Behaviour*, 39(2), 269-283.
- Benjamin, C. Y. (2010). Financial well-being of older Peninsular Malaysia: A gender comparison. *Journal of Asian Social*, 6(3), 68-71.
- Biswas, A., Licata, J. W., McKee, D., Pullig, C., & Daughtridge, C. (2000). The recycling cycle: An empirical examination of consumer waste recycling and recycling shopping behaviors. *Journal of Public Policy & Marketing*, 93-105.
- Bogeholz, S. (2006). Nature experience and its importance for environmental knowledge, values and action: Recent German empirical contributions. *Environmental Education Research*, 12(1), 65-84.

- Breen, R. F. (1991). The financially mature: What they want and how to help them get it. *Insurance Sales*, 134(9), 8–10.
- Bryce, W. J., Day, R., & Olney, T. J. (1997). Commitment approach to motivating community recycling: Curbside trial. *Journal of Consumer Affairs*, 3(1): 27-52.
- Burgess, J. (2003). Sustainable consumption: Is it really achievable? *Consumer Policy Review*. 13 (3), 78-84.
- Burns, J. H. (2005). Happiness and utility: Jeremy Bentham's equation. *Utilitas*, 17(1), 46-61. Dimuat turun dari : <http://www.utilitarianism.com/jeremy-bentham/greatest-happiness.pdf>.
- Callicott, J.B. (2000). Harmony between man and land: Aldo Leopold and the foundation of ecosystem management. *Journal of Forestry*, 98(5): 4-13.
- Campbell, A. (1981). The sense of well-being in America: Recent patterns and trends.
- Chan, R. Y. & Lau, L. B. (2000). Antecedents of green purchases: a survey in China. *Journal of consumer marketing*, 17(4), 338-357.
- Chong, S. C., Sia, B. K., Ng, K. K., Lim, C. S., & Ooi, B. C. (2012). Financial satisfaction and intergenerational resource transfers among urban older Malaysians. *American Journal of Scientific Research*, 43, 32-45.
- Clarke, T. & Rollo, C. (2001). Corporate initiative in knowledge management. *Journal of Education and Training*. 43(4), 206-214.
- Coakes, S. J. & Steed, L. (2007). *SPSS Version 14.0 for windows: Analysis without anguish*. Milton, Australia: John Wiley & Sons.
- Cohen, J.W. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences (2nd edn)*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Collette, J. (1984). Sex differences in life satisfaction: Australian data. *Journal of Gerontology*, 39(2), 243-245.
- Connolly, J. & Prothero, A. (2003). Sustainable consumption: consumption, consumers and the commodity discourse. *Consumption, Markets and Culture*, 6(4), 275-291.
- Cortina, J. M. (1993). What is coefficient alpha? An examination of theory and applications. *Journal of Applied Psychology*, 78(1), 98-104.
- Cox, A., Hooker, H., Markwick, C., & Reilly P. (2009). Financial well-being in the Workplace. Report 464, Institute for Employment Studies. Muat turun dari :- <http://www.employment-studies.co.uk/pubs/summary.php?id=464>.

- Daly, H. (1998). *Consumption: The economics of value added and the ethics of value distributed*. In: L. Westra & P. Werhane (Eds.), *The business of consumption*, 461–467. Lanham, MD: Rowman & Littlefield.
- Davis, E.P. & Hellmick, S.A. (1985). Family financial satisfaction: The impact of reference points. *Home Economics Research Journal*, 14(1), 123-131.
- Deacon, R. E. & Firebaugh, F. M. (1988). *Family resource management: Principles and applications*. Boston: Allyn & Bacon.
- De Vaus, D. A. (2002). *Survey in Social Research*. Fifth Edition. Australia: Routledge.
- DeVellis, R. F. (2003). *Scale development: Theory and application*. Second Edition. California: Sage.
- Diener, E. & Biswas-Diener, R. (2002). Will money increase subjective well-being? A literature review and guide to needed research. *Social Indicators Research*, 57(1), 119–169.
- Diener E. & Larsen R.J. (1993). *The experience of emotional well-being*. Lewis M. (Ed.), *Handbook of emotions*. New York: Guilford Press.
- Diener, E., Sandik, E., Seidlitz, L., & Diener, M. (1993). “The relationship between income and subjective well-being: Relative of absolute?”. *Social Indicator Research*, 28(3), 195-224.
- Diener, E., Suh, E., & Osihi, S. (1998). Recent studies on subjective well-being. *Indian Journal of Clinical Psychology*, 24(1), 25 – 41.
- Dillman, D. A. (2000). *Mail and internet surveys: The tailored design method* (Vol. 2). New York: Wiley.
- Dillman, D. A. (2007). *Mail and internet surveys: The tailored design method*. John Wiley & Sons.
- Domina, T. & Koch, K. (2002). Convenience and frequency of recycling implications for including textiles in curbside recycling programs. *Environment and behavior*, 34(2), 216-238.
- Dooley, M., Fernandez-Arias, E., & Kletzer, K. (1996). Is the debt crisis history? Recent private capital inflows to developing countries. *The World Bank Economic Review*, 10(1), 27-50.
- Douglas, S. P. & Graig, S. C. (1997). The changing dynamic of consumer behavior: Implications for cross-cultural research. *International Journal of Research in Marketing*, 14(4), 379-395.

- Dowling, N. A., Tim, C., & Hoiles, L. (2009). Financial management practices and money attitudes as determinants of financial problems and dissatisfaction in young male Australian workers. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 20(2).
- Drenea, P. (2000). Age, debt and anxiety. *Journal of Health and Social Behavior*, 437-450.
- Drenea, P. & Lavrakas, P. J. (2000). Over the limit: the association among health, race and debt. *Social science & medicine*, 50(4), 517-529.
- Eagly, A. H. & Chaiken, S. (1993). *The psychology of attitudes*. Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Elena, F. & Eva, M. (2007). Ecological Consumer Behavior: An empirical analysis. *International Journal Of Consumer Studies*, 31(1), 26-33.
- EPA (2009) . EPA information related to the American recovery and reinvestment act of 2009.
- Leila Falahati, Laily, P., Maiminah, I., & Sharifah Azizah, H. (2011). Factors predict financial problem among college students: A gendered view. *International Conference on Sociality and Economics Development*.
- Fatimah, M. A. (2007). *Globalisasi dan kelestarian pengguna di Malaysia*. Seminar Kebangsaan Pengguna Lestari; Cabaran Globalisasi, UPM.
- Farhan, M. A. & Mumtazah O. (2010). Sikap mahasiswa terhadap penggunaan lestari. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 14(1), 110 – 121.
- Farrokhian, F., Hosseinpour, M., & Soleimani, A. (2012). Assessment of elementary school teachers attitude towards major factors of environmental education in developing countries: case study in Iran. *J. Appl. Environ. Biol. Sci*, 2(11), 581-585.
- Fazli, S. & Teoh, Y. Y. (2006). Tahap keprihatinan alam sekitar dan amalan kepenggunaan hijau pengguna di Petaling Jaya, Selangor. *Pertanika Jabatan Sains Sosial dan Manusia*, 14(2), 95-109 (2006). Dimuat turun dari : [http://psasir.upm.edu.my/3585/1/Tahap Keprihatinan Alam Sekitar dan Amalan Kepenggunaan Hijau.pdf](http://psasir.upm.edu.my/3585/1/Tahap%20Keprihatinan%20Alam%20Sekitar%20dan%20Amalan%20Kepenggunaan%20Hijau.pdf).
- Fazli, S., Jariah, M., Laily, P., Amin, O., & Nurkhaila, N. (2007). Kajian keteguhan kewangan di kalangan belia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).
- Fazli, S., & Falahati, L. (2012). Estimating a model of subjective financial well-being among college students. *International Journal of Humanities and Social Science*.
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS*. Sage publications.

- Fien, J., Abe, O., & Bhandari, B. (2000). Towards education for a sustainable future in Asia and the Pacific. *Prospects*, 30(1), 41-56.
- Fien, J., The-Cheong Poh Ai, I., Yencken, D., Sykes, H., & Treagust, D. (2002). Youth environmental attitudes in Australia and Brunei: implications for education. *The Environmentalist*, 22(3), 205-216.
- Fuchs, D. A. & Lorek, S. (2005). Sustainable consumption governance: A history of promises and failures. *Journal of Consumer Policy*, 28(3), 261-288.
